

**DARURAT DI TANAH MELAYU
DAN AMERIKA SYARIKAT, 1948-1960**

NOORILHAM BIN ISMAIL

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2019

**DARURAT DI TANAH MELAYU
DAN AMERIKA SYARIKAT, 1948-1960**

oleh

NOORILHAM BIN ISMAIL

**Tesis yang diserahkan
untuk memenuhi keperluan
Ijazah Sarjana Sastera**

Ogos 2019

PENGHARGAAN

Syukur serta segala puji bagi Allah, Tuhan yang Maha Pemurah dan Maha Pengasih kerana melalui izinnya berjaya juga diselesaikan kajian ini setelah menempuh pelbagai cabaran. Menjunjung kasih buat ibu saya yang tercinta, Salimah binti Kassim kerana sentiasa memberi sokongan kepada diri ini sepanjang kajian ini dijalankan sama ada dari segi motivasi dalaman, doa mahupun sokongan dalam bentuk material. Pengorbanan beliau tidak terbalas sama sekali biar dengan apa-apun di dunia ini.

Seterusnya, setinggi-tinggi lafaz terima kasih buat isteri tersayang, Zarifah binti Arsani kerana beliau sentiasa berada di sisi dan banyak membantu sepanjang penulisan kajian ini dalam keadaan suka serta duka. Beliau sanggup bersusah-payah bersama-sama saya bagi mencari bahan di arkib, perpustakaan dan membacakan dokumen-dokumen primer serta bahan bacaan lainnya. Beliau juga sanggup berkorban dan bersabar dengan diri ini dari segi emosi mahupun kerenah saya di samping sedia untuk menerima apa-apa kekurangan yang ada pada diri saya sepanjang penulisan kajian ini. Tidak salah jika dikatakan bahawa beliau ialah arkitek penting untuk membantu saya menyiapkan kajian ini.

Selain itu, setinggi-tinggi penghargaan ingin saya ucapkan kepada Dr. Muhamad Hasrul Zakariah yang merupakan penyelia saya bagi kajian sarjana ini. Melalui beliau, ternyata saya banyak belajar perkara dari segi intelektual dan kaedah akademik untuk menyempurnakan kajian ini di samping didikan dengan ilmu serta adab. Perkongsian idea, pengalaman dan nasihat daripada beliau amat penting sebagai elemen pelengkap kajian saya ini. Tanpa perkara-perkara tersebut, adalah sukar untuk saya menambah baik dan memperkemas hasil kerja berkenaan. Beliau

juga tidak pernah prejudis atas kelemahan diri saya bahkan sentiasa memahami keupayaan saya sepanjang kajian ini dijalankan.

Di samping itu, segenap ucapan penghargaan saya tujukan untuk dua orang pensyarah muda di bahagian Sejarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan iaitu Dr. Norasmahani Hussain dan Dr. Tan Chee Seng yang banyak membantu saya dalam menyiapkan kajian ini. Dr. Norasmahani di satu pihak sanggup membantu saya mencari dokumen-dokumen primer dari TNA, London. Beliau juga sanggup berkongsi bahan bacaan yang tidak terdapat di Malaysia agar saya dapat menambah baik idea kajian saya ini. Untuk Dr. Tan Chee Seng pula, beliau banyak membantu khususnya semasa saya ingin ke Arkib Negara Singapura dan Universiti Nasional Singapura pada tahun 2017. Bantuan daripada beliau ini cukup penting bagi saya mendapatkan sumber-sumber berkaitan Amerika Syarikat di sana.

Seterusnya, ucapan terima kasih untuk Profesor Dato' Dr. Abu Talib Ahmad yang merupakan bekas penyelia saya sewaktu di peringkat kajian Latihan Ilmiah dahulu. Tunjuk ajar beliau ketika itu ternyata berguna dan banyak memberi manfaat kepada saya di peringkat pengajian sarjana ini. Tidak dilupakan ucapan terima kasih kepada isteri beliau, Profesor Datin Dr. Mahani Musa yang banyak memberi galakan di samping pengalaman berguna dalam tempoh pengajian saya dari peringkat ijazah sarjana muda lagi. Dengan didikan daripada mereka berdua, saya dapat menggunakan perkara tersebut untuk memperbaiki penulisan saya di peringkat ini. Dalam hal ini, ucapan terima kasih turut saya tujukan kepada barisan pensyarah dari bahagian Sejarah PPIK atas didikan sama ada secara langsung atau tidak langsung sepanjang saya menyiapkan hasil kerja ilmiah ini.

Selain itu, ucapan terima kasih tidak terhingga turut saya tujukan untuk barisan pembaca (*readers*) saya yang banyak membantu dari segi pembacaan buku-

buku berkaitan kajian. Bermula dengan Nor Syaheeda Kamaruzzaman, Siti Zulaikha Hasan, Nor Atikah Zaki, Nur Afini Abdul Aziz, Amirah Nadiyah Mokhtar, Nuramalia Roslan, Siti Nurul Aini Shamira Muhammad Ali Raini, Raihan Afifah Mohd Nor, Fathin Farah Atilia Musa, Zafirah Zabidi, Siti Khatijah Sabri, Jamilah Izzati, Umi Qahirah, Siti Nor Nabila Iskandar dan Nur Hazurah Abd Rahim. Mereka banyak memperuntukkan masa bagi membacakan saya buku-buku berkaitan kajian secara berjadual dan sukarela. Tidak terlupakan ucapan terima kasih untuk individu-individu seperti Wan Muhammad Abdul Muhaimin Ab. Wahab, Afiff Zuhair Abdul Latif, Abdul Haziq Abdul Rahman, Lau Jean Keat, Muhammad Zahir Kamsian, Muhammad Najiy Abdul Hamid, Mohd Nizam Anuar, Ahmad Syakir Hairul Hezat, Muhammad Izuan Abdul Rahman, Md Hasri Rajali, dan Mohammad Fitry Ariff Ahmad Zulkifly yang banyak terlibat dari segi teknikal sepanjang kajian ini.

Seterusnya, ucapan terima kasih kepada Profesor Pamela Sodhy dari Georgetown University, Amerika Syarikat atas bantuan jarak jauh daripada beliau bagi kajian saya ini. Beliau sanggup untuk membuat salinan (*scan*) dokumen-dokumen primer dari Arkib Negara Amerika Syarikat terutama fail-fail *Record Group (RG)* yang tidak ada di Arkib Negara Malaysia ataupun di Arkib Negara Singapura. Dalam masa yang sama, ucapan terima kasih kepada Profesor Madya Ahmad Kamal Arifin Mohd Rus dari Universiti Malaya (UM) atas segala nasihat dan pengalaman sebagai seorang ahli akademik untuk saya manfaatkan dalam kajian ini. Tidak dilupakan, Profesor Shakila ParweenYacob dari UM dan Dr. Sah Hadiyatan Ismail dari Pusat Pengajian Jarak Jauh, USM atas segala pandangan serta cadangan sewaktu kertas cadangan penyelidikan untuk kajian ini ingin disiapkan. Jasa daripada mereka ini cukup bermakna untuk saya yang ingin memulakan perjalanan dalam dunia akademik.

Dalam masa yang sama, ucapan terima kasih ingin saya tujukan kepada Dekan Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Profesor Narimah Samat dan bekas Timbalan Dekan PPIK, Profesor Madya Dr. Hasuria Che Omar atas galakan dan sumbangan kewangan melalui PPIK untuk kajian saya ini. Untuk pihak staf USM yang terdiri daripada pegawai arkib seperti Encik Al Rashid Kalandar Mastan, Muhamad Firdaus Che Seman dan Encik Roslan Yusuf. Untuk tanda penghargaan berikutnya, saya mengucapkan terima kasih kepada pegawai-pegawai arkib, Madam Fiona Tan dari Arkib Negara Singapura, Encik Ramli dan Encik Andy dari Universiti Nasional Singapura serta Encik Yusuf dari Arkib Negara Cawangan Johor. Selanjutnya, tidak lupa juga individu lain yang banyak memberi bantuan secara langsung atau tidak langsung untuk kajian saya ini.

Buat ahli keluarga yang lain, Nooriskandar Ismail, Noor Syuadah Ismail dan adik ipar, Saiful Jusoh, ucapan terima kasih turut ditujukan atas bantuan dalam bentuk teknikal untuk kajian saya ini. Akhir sekali, Al-fatimah untuk ayah saya, Ismail bin Jaafar yang telah kembali ke pangkuan Ilahi sepuluh hari sebelum saya mendaftar sebagai pelajar sarjana di USM pada 4 Jun 2017. Jasa dan pengorbanan beliau tetap dalam ingatan sama ada dari segi didikan mahupun kesediaan beliau untuk membacakan buku-buku berkaitan kajian saya ini. Semoga beliau bahagia di sana meskipun tidak sempat melihat saya menyelesaikan kajian ini.

SENARAI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	ii
SENARAI KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI SINGKATAN	xii
SENARAI LAMPIRAN	xi
ABSTRAK	xiii
ABSTRACT	xiv
BAB 1 - PENGENALAN	1
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Sorotan Literatur	6
1.3 Permasalahan Kajian	21
1.4 Persoalan Kajian	22
1.5 Objektif Kajian	22
1.6 Skop Kajian	23
1.7 Metodologi Kajian	23
1.8 Signifikan Kajian	26
1.9 Kesimpulan	27
BAB 2 - TANAH MELAYU DAN ASIA TENGGARA DALAM DASAR LUAR AMERIKA SYARIKAT SEHINGGA TAHUN 1948	
2.1 Pengenalan	28
2.2 Kedudukan Asia Tenggara Dalam Dasar Luar Amerika Syarikat Sehingga 1948	33
2.3 Kedudukan Tanah Melayu Dalam Dasar Luar Amerika Syarikat Sehingga 1948	47
2.4 Kesimpulan	58

**BAB 3 - PERKEMBANGAN PENGARUH KOMUNIS DI TANAH MELAYU
DAN RANTAU ASIA TENGGARA SERTA PERISYTIHARAN
DARURAT, 1948-1960**

3.1	Pengenalan.....	60
3.2	Perkembangan Pengaruh Komunis Di Rantau Asia Tenggara Menjelang 1948	62
3.3	Perkembangan Gerakan Komunis Di Tanah Melayu Sehingga 1948.....	72
3.4	Peisytiharan Darurat Oleh Pihak British, 1948-1960.....	81
3.5	Kesimpulan	106

**BAB 4 - REAKSI AMERIKA SYARIKAT DAN PENGHANTARAN
MISI KHAS DALAM TEMPOH DARURAT, 1948-1960**

4.1	Pengenalan.....	108
4.2	Reaksi Awal Amerika Syarikat Terhadap Darurat Di Tanah Melayu	111
4.3	Misi Jessup Ke Tanah Melayu.....	128
4.4	Misi Griffin Ke Tanah Melayu	137
4.5	Misi Melby Ke Tanah Melayu.....	148
4.6	Misi Judd Ke Tanah Melayu.....	168
4.7	Kesimpulan	176

**BAB 5 - PERANG DINGIN DI ASIA DAN KAITANNYA DENGAN REAKSI
AMERIKA SYARIKAT TERHADAP DARURAT, 1948-1960**

5.1	Pengenalan.....	178
5.2	Penubuhan Republik Rakyat China, 1949	180
5.3	Konflik Dalam Perang Di Semenanjung Korea, 1950-1953	195
5.4	Teori Domino Dan Krisis Di Indochina	212
5.5	Kesimpulan	229

**BAB 6 - PERHITUNGAN STRATEGIK DAN PERTIMBANGAN EKONOMI
DALAM REAKSI AMERIKA SYARIKAT TERHADAP DARURAT,
1948-1960**

6.1	Pengenalan.....	231
6.2	Tanah Melayu Dan Perhitungan Strategik Amerika Syarikat Dalam Tempoh Darurat	234
6.3	Tanah Melayu Dan Pertimbangan Ekonomi Amerika Syarikat Dalam Tempoh Darurat	257
6.4	Kesimpulan.....	290

BAB 7 - PENUTUP	293
------------------------------	------------

BIBLIOGRAFI.....	297
-------------------------	------------

LAMPIRAN

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 2.1	Principal Tin Producing Countries (1870's-1890's)55
Jadual 2.2	Malayan Share of World Tin Production (1890's-1930)56
Jadual 2.3	The Malayan Export Trade with the United States in 1930 and 193156
Jadual 3.1	Cawangan dan Ranting KMT di Tanah Melayu dan Singapura Pada Tahun 192474
Jadual 3.2	The Names of The European Planters and Their Malayan Counterparts Had Been Murdered By The Communist Terrorists in Malaya During The Emergency.....92
Jadual 3.3	Kekuatan Komunis Mengikut Negeri Pada Julai 195397
Jadual 6.1	Far East: Proposed Assistance Programmed for FY 1954-FY 1955.....252
Jadual 6.2	Malayan–American Plantations Ltd, 1925269
Jadual 6.3	Estimated Expenditures in Connection With U.S. Courses of Action in Southeast Asia.....284

SENARAI SINGKATAN

AMDA	Anglo-Malayan Defence Agreement
ANZAC	Australian and New Zealand Army Corps
ANZAM	Anglo-New Zealand-Australia and Malaya
ANZUS	Australia, New Zealand, United States Security Treaty
CCP	Chinese Communist Party
CIA	Central Intelligence Agency
CPB	Communist Party of Burma
CPP	Communist Party of Philippine
CPT	Communist Party of Thailand
CPUSA	Communist Party of the United States of America
CO	Cabinet Office
COS	Chiefs of Staff
DDEL	Dwight D. Eisenhower Library
FO	Foreign Office
FY	Fiscal Year
ICP	Indochina Communist Party
GLU	General Labour Union
HSTL	Harry S. Truman Library
KMT	Kuomintang
JCS	Joint Chiefs of Staff
MDAP	Mutual Defense Assistance Program
MRLA	Malayan Races Liberation Army
MSP	Mutual Security Program
NIE	National Intelligence Estimate

NAS	National Archieve of Singapore
NUS	Central Library National University Of Singapore
NARA	National Archieves and Records Administration
NATO	North Atlantic Treaty Organization
NSC	National Security Council
OIR	Office of Intelligence Research
PBB	Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu
PKI	Parti Komunis Indonesia
PKM	Parti Komunis Malaya
PMGLU	Pan Malayan General Labour Union
PMFTU	Pan Malayan Federation of Trade Unions
PREM	Prime Minister's Office Papers
PRO	Public Record Office
RAF	Royal Air Force
RRC	Republik Rakyat China
RG	Record Group
SEATO	Southeast Asia Treaty Organisation

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran 1	The Truman Doctrine
Lampiran 2	Marshall's Harvard Speech
Lampiran 3	Point Four Program
Lampiran 4	Security Treaty between Australia, New Zealand and the United States of America (ANZUS)
Lampiran 5	Text of Southeast Asia Collective Defense Treaty (SEATO)

DARURAT DI TANAH MELAYU DAN AMERIKA SYARIKAT, 1948-1960

ABSTRAK

Kajian ini menganalisis reaksi Amerika Syarikat dalam peristiwa darurat di Tanah Melayu, tahun 1948 hingga 1960. Objektif utama kajian ini adalah untuk mengkaji reaksi dan sebab-sebab yang telah mempengaruhi reaksi Amerika Syarikat dalam tempoh darurat ini. Fokus akan diberikan kepada tindakan-tindakan Amerika Syarikat yang timbul kesan daripada reaksinya terhadap perisytiharan darurat ini dengan bersumberkan dokumen-dokumen seperti *FRUS*, *NSC Series*, *The Department of State Bulletin*, *Pentagon Papers*, laporan daripada *CIA* dan dokumen-dokumen British serta memoir yang diperoleh dari arkib sama ada di dalam atau luar negara. Berdasarkan sumber daripada dokumen-dokumen ini, reaksi Amerika Syarikat terhadap darurat di Tanah Melayu jelas kelihatan sama ada secara langsung atau tidak langsung. Di samping itu, kajian ini telah menggunakan kaedah dalam disiplin sejarah seperti pencarian sumber di arkib, menganalisis dokumen, menterjemah fail-fail yang diperlukan dan menginterpertasi sumber. Berdasarkan analisis yang dibuat dari dokumen-dokumen berkenaan juga, kajian ini mendapati bahawa reaksi Amerika Syarikat terhadap darurat di Tanah Melayu adalah berkait rapat dengan ancaman komunis di peringkat serantau dan turut melibatkan perkara-perkara di Timur Jauh. Selain itu, kajian ini akan menghujahkan bahawa faktor perhitungan strategik dan pertimbangan ekonomi sebagai sebab yang mempengaruhi reaksi Amerika Syarikat terhadap darurat berkenaan. Kajian ini pada akhirnya mendapati reaksi daripada Amerika Syarikat terhadap darurat 1948 hingga 1960 adalah sesuatu yang signifikan dalam konteks kuasa besar itu untuk memerangi komunis di Asia Tenggara secara amnya dan di Tanah Melayu secara khususnya.

EMERGENCY IN MALAYA AND THE UNITED STATES, 1948-1960

ABSTRACT

This research provides the analysis on reaction of The United States towards the Malayan emergency that had occurred from 1948 to 1960. The core objective of this research is to explore the United States reaction and the reasons behind this reaction. Apart from that, the focus of this research will also be on the United States action as the consequences from the reaction they have given which can be observed in documents such as FRUS, NSC Series, The Department of State Bulletin, Pentagon Papers, reports from the CIA, British documents and memoirs from local or overseas archives. Based on these documents, the reaction towards Malayan emergency by the United States can be seen direct and indirectly. The method used in this research involve source researching in the archives, documents analysis, translating files and interpreting the resources. The results of the analysis shows that the reaction given by the United States towards the Malayan emergency is closely related to regional communist threats and the issues in the Far East. Additionally, this research will provide the arguments whereby strategic calculation and economic rumination were considered as the reasons or factors that affected United States reaction towards the emergency. At the end of this research, it can be perceived that the United States reaction on the Malayan emergency that had taken place on 1948 to 1960 was a significant matter in the context of diminishing communist threats in Southeast Asia and in Malaya specifically, by the Great Power.

BAB 1

Pengenalan

1.1 Latar Belakang Kajian

Perisytiharan darurat di Tanah Melayu oleh pihak pentadbir British merupakan satu catatan penting dalam konteks sejarah negara dari tahun 1948 sehingga 1960. Dalam hal ini, perisytiharan darurat tersebut telah dilihat sebagai satu episod perang oleh pentadbiran British ke atas pihak komunis yang dilihat bergiat aktif dalam gerakan gerila di Tanah Melayu. Lebih signifikan lagi dan menjadi tumpuan kajian ini adalah apabila darurat di Tanah Melayu dari tahun 1948 sehingga 1960 turut menimbulkan reaksi daripada kuasa besar dunia iaitu Amerika Syarikat. Hal ini kemudiannya menjadikan darurat di Tanah Melayu bukan sahaja isu yang bersifat domestik bahkan menjadi perkara penting dalam konteks serantau menurut perspektif Amerika Syarikat. Reaksi daripada Amerika Syarikat ini adalah bertitik tolak daripada soal persaingan ideologi, perhitungan strategik dan pertimbangan ekonomi yang menjadi kaitan dengan darurat di Tanah Melayu itu sendiri. Justeru, reaksi Amerika Syarikat terhadap darurat di Tanah Melayu ini menjadi satu perkara yang penting untuk sebuah analisis mengenai kepentingan Amerika Syarikat di sebalik peristiwa darurat berkenaan. Hal ini demikian kerana, banyak perkara yang bersifat luaran telah mempengaruhi reaksi Amerika Syarikat terhadap darurat tersebut sama ada situasi di Asia Tenggara mahupun dalam kerangka Perang Dingin¹ di peringkat global ketika itu.

¹ Perang Dingin merupakan istilah yang dicipta oleh Don Juan Manuel untuk menggambarkan keadaan antara peperangan umat Islam dengan pihak Kristian pada kurun ke-14. Istilah tersebut kemudiannya dipopularkan oleh William Walter pada tahun 1947 untuk menggambarkan konflik di antara Amerika Syarikat dengan Kesatuan Soviet. Pertembungan di antara kedua-dua buah kuasa besar ini bermula sejak berakhirnya Perang Dunia Pertama lagi. Pada ketika itu, Presiden Amerika Syarikat, Woodrow Wilson (1913-1921) telah menyuarakan gagasan demokrasi untuk menjadi pegangan sejagat. Beliau mengatakan bahawa nasib setiap bangsa dan negara perlu ditentukan oleh bangsa itu sendiri. Wilson turut melontarkan ideanya berkenaan konsep 'dunia tanpa sempadan' melalui sistem

Mengenai darurat di Tanah Melayu itu sendiri, ia telah bermula pada 18 Jun 1948 selepas berlaku pembunuhan tiga orang pengurus Eropah di estet Sungai Siput. Perkara ini kemudiannya telah dijadikan alasan untuk pihak British mengisytiharkan darurat selama 12 tahun di Tanah Melayu. Namun begitu, terdapat percanggahan dari segi fakta apabila terdapat dalam kalangan pentadbir British di Tanah Melayu yang mengatakan bahawa tiada sebarang bukti kukuh yang dapat mengaitkan pembunuhan tersebut dengan tindakan pihak komunis. Dengan itu, perbincangan mengenai perkara ini akan diberi penekanan pada bab tiga nanti apabila analisis terhadap darurat berkenaan dibuat. Oleh hal yang demikian, perkara ini telah menimbulkan banyak pandangan dalam kalangan individu-individu yang menulis dan mengkaji isu darurat ini sama ada darurat ini didorong oleh tindakan komunis ataupun wujudnya

ekonomi kapitalis. Keadaan ini sememangnya bertentangan dengan dasar yang dimiliki oleh Kesatuan Soviet yang ketika itu dibawah kepimpinan Lenin. Gagasan yang diperjuangkan oleh Kesatuan Soviet adalah ideologi komunisme di samping ekonomi sosialis yang menjadi semakin popular khususnya selepas Revolusi Bolshevik 1917. Walau bagaimanapun, konflik ini sedikit reda apabila tumpuan Amerika Syarikat dan Kesatuan Soviet teralih kepada kemunculan Fasisme di bawah pimpinan Adolf Hitler. Konflik Amerika Syarikat-Kesatuan Soviet ini muncul kembali selepas Perang Dunia Kedua berakhir. Dalam konteks Perang Dingin ini, kemudiannya telah muncul dua aliran di satu pihak yang menyokong tindakan Soviet sebagai pencetus Perang Dingin manakala terdapat juga tokoh-tokoh yang menyokong tindakan Amerika Syarikat yang menjadi punca kepada Perang Dingin. Aliran yang berpegang kepada pandangan Kesatuan Soviet sebagai pencetus Perang Dingin disebutkan sebagai aliran *traditionalist* manakala aliran yang menyokong Amerika Syarikat sebagai punca teretusnya Perang Dingin disebutkan sebagai aliran *revisionist*. Untuk penjelasan seterusnya, sila rujuk Martin McCauley, *The Origins of the Cold War, 1941-1949* (London: Longman, 2003), hlm. 1. Lihat juga, Walter Lafeber, *Third Cold War (Charles Edmondson Historical Lectures)* (Waco, Texas: Baylor University Press, 1981). Walau bagaimanapun, selepas tahun 1975, muncul aliran yang mengaitkan Perang Dingin dengan peranan yang dimainkan oleh pihak British. Perkara tersebut merujuk kepada situasi selepas Perang Dunia Kedua apabila pihak British yang sedang melalui tempoh pemulihan selepas Perang berusaha dengan seboleh mungkin untuk mendapatkan sokongan daripada Amerika Syarikat bagi mengekalkan kedudukannya sebagai antara kuasa penting dalam politik antarabangsa di samping usaha untuk menghadapi pengembangan pengaruh daripada Kesatuan Soviet. Hal ini menjadi lebih jelas apabila peristiwa-peristiwa besar seperti pelaksanaan Rancangan Marshall, penubuhan North Atlantic Treaty Organization (NATO) dan pemisahan Jerman turut melibatkan peranan yang aktif dan signifikan daripada pihak British. Untuk perbincangan lanjut mengenai British dan Perang Dingin ini sila rujuk, Robert Frazier, 'Did Britain Start the Cold War? Bevin and The Truman Doctrine', *Historical Journal*, 27:3 (1984), hlm. 715-727; William C. Cromwell, 'The Marshall Plan, Britain and the Cold War', *Review of International Studies*, 8:4 (1982), hlm. 233-249; John Kent, 'British Policy and The Origins of The Cold War', *In Origins of the Cold War: An International History*, eds. by Melvyn P. Leffler and David S. Painter (New York: Routledge, Taylor & Francis Group, 1994), hlm. 155-166; Norasmahani Hussain, *British Foreign Office perspectives on the admission of Turkey and Greece to NATO, 1947-1952*, (Tesis Doktor Falsafah, University of Leeds, United Kingdom, Oktober 2018).

faktor lain yang mempengaruhi tindakan British berkenaan.² Walau bagaimanapun, kajian ini bukanlah untuk mencari atau menentukan faktor mutlak mengenai sebab-musabab terbentuknya darurat diisytiharkan dari tahun 1948 sehingga 1960 itu. Sebaliknya, perbincangan dalam kajian ini akan memfokuskan dan memberi keutamaan kepada reaksi Amerika Syarikat terhadap peristiwa darurat tersebut. Segala hujahan mengenai reaksi daripada Amerika Syarikat ini dikemukakan berdasarkan dokumen-dokumen daripada pentadbiran Amerika Syarikat sama ada di Washington ataupun di kawasan-kawasan lain di Asia terutamanya di Tanah Melayu yang membincangkan tentang isu darurat ini.

Dalam konteks Perang Dingin yang menjadi latar peristiwa darurat di Tanah Melayu ini, hubungan Amerika Syarikat dan Kesatuan Soviet sememangnya sedang berada dalam keadaan tegang antara satu sama lain. Hal ini demikian kerana, kedua-dua kuasa besar berkenaan telah membentuk politik global yang bercorak bipolar berbanding keadaan semasa Perang Dunia Kedua yang memperlihatkan keadaan

² Mengenai perkaitan antara pembunuhan pengurus Eropah di estet Sungai Siput, Perak pada bulan Jun 1948 melalui perkaitannya dengan angkara pihak PKM sememangnya banyak menimbulkan persoalan dalam kalangan ahli sejarah dan para pengkaji. Ada dalam kalangan mereka yang berpendapat bahawa pembunuhan di estet Sungai Siput itu bukanlah isu sebenar di sebalik tindakan pentadbir British mengisytiharkan darurat di Tanah Melayu. Perkara ini telah dibincangkan oleh pengkaji seperti Azmi Arifin dalam *Persidangan Nasional Sejarah dan Sejarawan Malaysia 2017* di Universiti Sains Malaysia pada bulan September 2017 melalui kertas kerja beliau yang berjudul 'Pengisytiharan Darurat 1948 di Tanah Melayu: Penelitian terhadap Beberapa Aliran dan Perspektif'. Menurut beliau, sarjana atau pengkaji yang berpegang kepada pandangan darurat yang disebabkan oleh isu pembunuhan di Sungai Siput tersebut sebagai mereka yang berada dalam aliran Ortodoks. Beliau telah membahagikan beberapa lagi aliran lain seperti Marxis, Neo-Ortodoks, Revisionis, dan Pasca Revisionis mengenai tafsiran terhadap faktor berlakunya Darurat di Tanah Melayu dari tahun 1948-1960. Beliau telah menggolongkan nama-nama seperti Harry Miller, Victor Purcell dan Edger O'balance sebagai pengkaji dalam tafsiran Ortodoks. Untuk aliran Marxis, nama-nama seperti Mohamad Amin dan Malcolm Caldwell telah dipetik sebagai pengkaji dalam aliran tersebut. Selain itu, beliau telah meletakkan nama-nama seperti A. J. Stockwell dan F. Furedi dan T. N. Harper sebagai pengkaji-pengkaji dalam aliran Revisionis. Dalam konteks aliran Neo-Ortodoks pula, beliau telah menyatakan bahawa Karl Hack dan C. C. Chin sebagai pengkaji yang menggunakan aliran tafsiran Neo-Ortodoks. Dalam hal ini, Azmi Arifin sendiri mengakui bahawa beliau merupakan golongan Pasca-Revisionis yang cuba untuk menampung kelemahan dan kekurangan dalam hujahan golongan aliran sebelumnya. Untuk perbincangan lanjut, sila rujuk, Azmi Arifin, 'Perisytiharan Darurat 1948 di Tanah Melayu: Penelitian terhadap Beberapa Aliran dan Perspektif,' dalam Abu Talib Ahmad et al. *Prosiding Persidangan Nasional Sejarah & Sejarawan Malaysia: Memperkasa Sejarah Nasional dalam Melestarikan Pembangunan Negara, 2017*, Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, 2017), hlm. 132-133.

multipolar dalam kalangan kuasa-kuasa besar dunia. Keadaan ini seterusnya membawa kepada pertembungan ideologi antara Amerika Syarikat dengan Kesatuan Soviet di samping persaingan ekonomi dan perlumbaan dalam penghasilan senjata nuklear. Amerika Syarikat di satu pihak memperjuangkan idea demokrasi liberal manakala Kesatuan Soviet giat memperluaskan ideologi komunis dalam kalangan negara-negara di seluruh dunia pasca Perang Dunia Kedua. Keadaan kian tegang di Asia apabila Amerika Syarikat terpaksa berhadapan pula dengan sebuah lagi kuasa komunis iaitu Republik Rakyat China (RRC) khususnya pada penghujung 1949. Lanskap Perang Dingin di Asia ini memerlukan Amerika Syarikat menghadapi Kesatuan Soviet dengan RRC dalam masa yang sama. Perbincangan mengenai pertembungan antara Amerika Syarikat dengan pihak komunis China ini akan diberi penekanan khususnya dalam bab empat, lima dan enam. Dari sinilah timbulnya reaksi Amerika Syarikat terhadap darurat di Tanah Melayu kerana isu di Tanah Melayu ini turut mempunyai kaitannya dengan keadaan di peringkat Asia dan antarabangsa.

Dalam masa yang sama, reaksi Amerika Syarikat terhadap darurat di Tanah Melayu ini tidak mahu tidak turut melibatkan pentadbiran British di Tanah Melayu ketika itu. Hal ini demikian kerana, pihak British masih berdiri sebagai kuasa imperialis di kawasan berkenaan sehingga tahun 1957. Oleh hal yang demikian, kehadiran Amerika Syarikat dalam konteks darurat ini bukanlah sebagai pesaing kepada pihak British tetapi perkara tersebut merupakan pelengkap kepada pihak British itu sendiri dalam usaha untuk membendung ancaman komunis. Dalam isu ini, ia turut berkait dengan konteks '*special relationship*' antara kedua-dua kuasa berkenaan yang melibatkan hubungan '*fungsional*' antara kedua-dua belah pihak.³

³ Hubungan yang bersifat fungsional merupakan takrifan sarjana seperti Christopher Thorne, David Reynolds dan Ian Clark berkenaan hubungan antara Amerika Syarikat dengan pihak British.

Keadaan tersebut terjadi kerana Amerika Syarikat dan pihak British berkongsi satu objektif yang sama iaitu untuk memerangi setiap ancaman komunis yang datang sama ada di peringkat global, serantau, ataupun di peringkat domestik sesebuah wilayah. Justeru, reaksi Amerika Syarikat ke atas darurat di Tanah Melayu ini seterusnya membawa kepada tindakan-tindakannya sama ada dalam bentuk sokongan diplomatik, geostrategik dan ekonomi kepada pihak British. Perkara ini akan dibincangkan dengan lebih teliti dalam bab-bab berikutnya menerusi analisis perkaitan antara reaksi Amerika Syarikat terhadap darurat di Tanah Melayu melalui hubungannya dengan pihak British.

Melalui reaksi Amerika Syarikat terhadap darurat di Tanah Melayu dari tahun 1948 sehingga 1960, Tanah Melayu ternyata tidak terpisah daripada konteks dasar luar Amerika Syarikat pada masa tersebut. Lebih penting lagi, apabila kedudukan Tanah Melayu itu sendiri telah dilihat dalam kerangka serantau oleh Amerika Syarikat sebagai kawasan yang mempunyai kaitan dengan wilayah-wilayah lain di Asia Tenggara dari segi perhitungan strategik dan pertimbangan ekonomi. Penekanan lebih serius telah dibuat oleh pihak Amerika Syarikat terhadap darurat di

Hubungan fungsional ini ditakrifkan sebagai satu kerjasama yang wujud apabila berlakunya peristiwa tertentu sama ada dalam bentuk perang ataupun masalah ekonomi yang melibatkan kedua-dua kuasa besar ini. Sila lihat, John Baylis, *Anglo-American Relations Since 1939: The Enduring Alliance*, (United Kingdom: Manchester University Press, (1997), hlm. 1-14. Terdapat dua bentuk hubungan Amerika Syarikat yang lain iaitu dari konteks 'evangelika' dan bersifat 'terminal'. Hubungan dalam konteks evangelika membawa maksud perkaitan antara Amerika Syarikat dengan British melalui hubungan yang terjalin berdasarkan latar belakang sejarah yang sama, bangsa Anglo-Saxon, agama Kristian, Bahasa Inggeris dan kebudayaan yang sama. Antara tokoh yang berpegang kepada pendapat hubungan evangelika ini termasuklah H. C. Allen yang menekankan isu '*special relationship*' ini dalam bukunya. Sila lihat, H. C. Allen, *Great Britain and The United States, A History of Anglo American Relations 1783-1952* (London: Odhams Press, 1954), hlm. 95. Hubungan bersifat terminal pula merupakan pandangan yang diutarakan oleh sarjana pasca moden berkenaan hubungan Amerika Syarikat dan British. Sarjana pasca moden ini menyifatkan hubungan Amerika Syarikat dan British hanyalah bersifat penipuan masa lalu yang tidak mempunyai sebarang makna atau nilai. Perkara ini ditekankan oleh pengkaji seperti Max Belloff, '*The Special relationship: an Anglo-American Myth?*' dalam Martin Gilbert (ed.), *A Century of Conflict 1850-1950. Essays for A. J. P. Taylor* (Hamish Hamilton, London, 1966), hlm. 199. Untuk penjelasan yang lebih menyeluruh berkenaan sifat hubungan Amerika Syarikat dengan British ini, sila rujuk, D. Reynolds, *The Creation of the Anglo-American Alliance, 1937-1941: A Study in Competitive Cooperation* (London: Europa Publications, 1981); Ian Clark, *Nuclear Diplomacy and The Special Relationship, Britain's Deterrent and America, 1957-1962*, (Oxford: Oxford University Press, 1994).

Tanah Melayu apabila tempoh berkenaan berlaku seiring dengan isu kritikal lain di rantau Asia Tenggara seperti gerakan komunis di Indochina di samping kesan daripada ancaman komunis dari Timur Jauh. Untuk membuktikan perkara ini, bab-bab yang berikutnya akan menunjukkan analisis bagi menunjukkan perkaitan antara ancaman luaran itu dengan darurat di Tanah Melayu. Sebagai permulaan, bab kedua selepas ini akan membincangkan terlebih dahulu kedudukan Asia Tenggara secara amnya dan Tanah Melayu secara khususnya dalam dasar luar Amerika Syarikat dari kurun ke-19 sehingga tahun 1948. Perkara ini penting kerana hubungan tersebut perlu difahami dan dinilai terlebih dahulu sebelum perbincangan teliti dibuat ke atas reaksi Amerika Syarikat terhadap darurat di Tanah Melayu itu sendiri.

1.2 Sorotan Literatur

Dalam konteks kajian mengenai hubungan Amerika Syarikat dengan kedudukan Tanah Melayu sememangnya banyak diberi perhatian sama ada dalam kalangan sarjana tempatan ataupun sarjana dari luar terutamanya di Eropah. Perbincangan-perbincangan tersebut tidak dinafikan mempunyai signifikan tersendiri khususnya dari segi sejarah antara kedua-dua negara yang terlibat. Kajian dalam kalangan sarjana tersebut turut menyentuh hubungan awal antara kuasa besar Amerika Syarikat dan wilayah Tanah Melayu itu sendiri sejak dari kurun ke-19 dan ada juga yang memberikan perhatian terhadap hubungan kedua-dua negara pasca Perang Dunia Kedua serta selepas Tanah Melayu mencapai kemerdekaan. Namun begitu, dari sebilangan banyak kajian-kajian yang telah diberi penekanan oleh sarjana terdahulu, tiada satupun yang sama dengan tajuk kajian ini. Dalam erti kata lain, tiada kajian yang menganalisis secara terperinci mengenai darurat di Tanah Melayu dan reaksi Amerika Syarikat dari tahun 1948 sehingga 1960. Meskipun begitu,

sorotan kajian terdahulu ini penting untuk dinilai dari segi perbincangannya untuk mengenalpasti kekosongan yang ada dalam kajian terdahulu mengenai fokus kajian yang telah dinyatakan tadi.

Dalam kajian ini, tesis Doktor Falsafah oleh Pamela Sodhy dari Universiti Cornell, Amerika Syarikat telah dinilai sebagai salah satu daripada kajian terdahulu. Tesis beliau yang bertajuk '*Passage of Empire: United States-Malayan Relations to 1966*' menjadi tumpuan kajian kerana tesis beliau ini membincangkan perjalanan hubungan Amerika Syarikat dengan Tanah Melayu dari awal kurun ke-20 sehinggalah tahun 1966. Sodhy menjelaskan penglibatan Amerika Syarikat di Tanah Melayu berdasarkan garis peristiwa yang telah dibahagikan kepada tiga tempoh iaitu Perang Korea 1950-1953, detik menjelang kemerdekaan 1954-1957 dan tempoh konfrontasi 1963-1966.⁴ Dalam perbincangan tersebut, Sodhy turut menyentuh penglibatan Amerika Syarikat secara langsung di Tanah Melayu termasuklah dalam tempoh darurat 1948-1960 di dalam bab tiga, empat dan lima. Penulisan beliau diperkuatkan dengan sumber dari dokumen-dokumen yang diperolehi dari *National Archives and Records Administration (NARA)* di Washington dalam bentuk memorandum, laporan telegram, fail-fail dari Jabatan Pertahanan dan fail dari Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) termasuklah dari *The National Archives, London (TNA)*. Walau bagaimanapun, beliau tidak menjadikan reaksi Amerika Syarikat terhadap darurat di Tanah Melayu 1948-1960 sebagai penekanan utama dalam tesis berkenaan. Pada masa yang sama, kajian beliau tidak menggunakan sumber-sumber arkib yang baru diterbitkan pada awal 1990-an dan selepas tahun 2000 kerana tesis beliau ini diterbitkan pada 1983. Dalam tempoh awal 1990-an dan awal tahun 2000, banyak dokumen baharu yang berkaitan dengan darurat di Tanah

⁴ Pamela Sodhy, *Passage of Empire: United States-Malayan Relations to 1966* (Tesis kedoktoran yang diterbitkan, Cornell University, New York, 1982) (Ann Arbor, Michigan: University Microfilms International, 1992), hlm. 2.

Melayu telah diterbitkan khususnya di Arkib Kebangsaan, Britain. Dari sinilah satu kelompongan baru yang boleh diisi berkenaan reaksi Amerika Syarikat terhadap darurat di Tanah Melayu 1948-1960 itu sendiri.

Buku hasil tulisan Richard J. Aldrich turut diberi perhatian sebagai satu daripada sorotan literatur kajian ini. Buku beliau tersebut bertajuk '*The Hidden Hand: British, America and Cold War Secret Intelligence*'. Tumpuan yang diberikan oleh Aldrich adalah berkaitan dengan kerjasama Amerika Syarikat dengan British sepanjang tempoh dua dekad pertama Perang Dingin. Perbincangan beliau menjelaskan bahawa Amerika Syarikat bertindak sebagai 'tangan tersembunyi' di sebalik usaha British untuk memerangi ancaman komunis terutama yang datang dari Kesatuan Soviet. Huraian beliau meliputi persoalan ancaman komunis di Eropah, Afrika dan Asia yang ketika itu menjadi tumpuan berkenaan ancaman komunis. Aldrich turut membincangkan bantuan Amerika Syarikat terhadap British dalam peristiwa darurat di Tanah Melayu pada 1948-1960 khususnya dalam bab lapan.⁵ Walau bagaimanapun, perbincangan beliau hanya bersifat naratif tanpa analisis yang mendalam berkenaan reaksi Amerika Syarikat terhadap 12 tahun darurat di Tanah Melayu dari tahun 1948-1960. Fokus beliau hanya kepada pelan tindakan yang dibuat oleh Amerika Syarikat tanpa melihat faktor-faktor yang membawa kepada kerjasama tersebut. Isu ekonomi dan kepentingan strategik di Tanah Melayu sepanjang darurat 1948-1960 tidak dibincangkan dengan lebih terperinci.

Satu lagi kajian yang menyentuh tentang kerjasama Amerika Syarikat untuk memerangi komunis di Asia Tenggara adalah daripada Gary R. Hess. Buku beliau berjudul '*The United States Emergence as a Southeast Asian Power, 1940-1950.*' Dalam penulisan beliau, Hess telah memberi fokus pada tempoh sepuluh tahun

⁵ Richard J. Aldrich, *The Hidden Hand: British, America And Cold War Secret Intelligence* (New York: The Overlook Press, 2001), hlm. 494-518; terutamanya dalam bab 22 yang bertajuk '*Victory in Malaya.*'

penglibatan Amerika Syarikat di rantau Asia Tenggara dalam konteks hubungan secara langsung atau tidak langsung. Garis perbincangan beliau meliputi tahun 1940-1950 yang turut merangkumi keadaan di Tanah Melayu.⁶ Namun demikian, kajian beliau terhenti setakat tahun 1950 sedangkan tempoh darurat di Tanah Melayu berlanjutan sehingga 1960. Oleh sebab itu, banyak perkara berkenaan reaksi Amerika Syarikat terhadap tindakan British sepanjang tempoh darurat di Tanah Melayu itu tidak disentuh. Dari sinilah satu analisis dan kajian baru boleh dilakukan untuk menjawab soalan yang tidak disentuh oleh Hess berkenaan reaksi Amerika Syarikat terhadap darurat di Tanah Melayu. Sumber yang beliau gunakan terdiri daripada dokumen dari arkib NARA di Washington yang terdiri daripada telegram, pembentangan di Kongres dan maklumat daripada Jabatan Keselamatan Negara Amerika Syarikat. Terdapat juga buku-buku, disertasi dan jurnal sebelum tahun 1987 turut dirujuk oleh Hess dalam penulisannya.

Selain itu, tidak lengkap sekiranya tesis sarjana oleh Sah Hadiyatan Ismail tidak digunakan sebagai sebahagian daripada sorotan kajian terdahulu mengenai reaksi Amerika Syarikat terhadap darurat di Tanah Melayu 1948 sehingga 1960. Tesis sarjana beliau yang berjudul '*The United States and The Decolonisation Of British Southeast Asia 1945-1966*' ini mengandungi enam bab yang memfokuskan peranan yang dimainkan oleh Amerika Syarikat terhadap Tanah Melayu dalam proses dekolonisasi pihak British.⁷ Persoalan berkenaan kerjasama antara Amerika Syarikat dan British di Tanah Melayu telah dihuraikan dalam subtopik 2.4 (*The Emergency*), 3.2 (*The Melby-Erskine Mission*), 3.4 (*The United States, Britain and Malaya, 1956 – 1963*) dan 4.4 (*The United States, Britain and Malaya, 1956-1963*)

⁶ Gary R. Hess, *The United States Emergence as A Southeast Asian Power, 1940-1950* (New York: Columbia University Press, 1987), hlm. 255-273.

⁷ Sah Hadiyatan Ismail. *The United States and The Decolonisation Of British Southeast Asia 1945-1966* (Tesis Sarjana, Universiti Sains Malaysia, 2004), hlm. 75.

dalam usaha untuk mengekang ancaman komunis di Tanah Melayu. Walau bagaimanapun, beliau tidak memberi tumpuan kepada reaksi Amerika Syarikat terhadap darurat ketika itu. Kesan terhadap pertimbangan ekonomi dan perhitungan strategik ekoran daripada reaksi Amerika Syarikat itu juga tidak dihuraikan secara mendalam.

Dalam kajian ini, Sah Hadiyatan tidak menggunakan fail-fail dari Jabatan Pertahanan Amerika Syarikat (kemudiannya diberi nama *Pentagon Papers*), dokumen-dokumen daripada laporan misi Amerika Syarikat ke Tanah Melayu dan memoir daripada pemimpin Amerika Syarikat, pihak British serta pihak komunis itu sendiri. Sumber-sumber yang dirujuk oleh beliau kebanyakannya daripada *Foreign Relations of United States (FRUS)*, dokumen British dan terdapat juga sumber Arkib Negara Malaysia. Pada masa yang sama, sumber sekunder dalam bentuk buku dan jurnal turut digunakan untuk menjelaskan tema kajian yang dibincangkan.

Sebagai lanjutan, kajian ini turut menjadikan kertas kerja daripada Sue Thompson yang telah diterbitkan pada tahun 2017. Kertas kerja beliau yang bertajuk, '*The Evolution of Southeast Asian Regionalism: Security, Economic Development, and Foreign Power Support for Regional Initiatives, 1947-77.*' Dalam tulisan ini, Thompson telah menganalisis isu berkaitan kedudukan Asia Tenggara dalam dasar luar kuasa-kuasa besar dunia seperti Amerika Syarikat, British dan Perancis dari tahun 1947 hingga 1977. Beliau telah memperuntukkan dua subtopik dalam kertas kerja ini mengenai penglibatan Amerika Syarikat dalam konteks serantau di Asia Tenggara dalam subtopik '*American Initiatives*' dan '*The End of The War in Vietnam.*'⁸ Kajian beliau ini tampak menarik apabila beliau menghujahkan usaha-usaha Amerika Syarikat khususnya menjelang tahun 1950-an untuk membentuk

⁸ Sue Thompson, '*The Evolution of Southeast Asian Regionalism: Security, Economic Development, and Foreign Power Support for Regional Initiatives, 1947-77.*' *Journal of ASEAN Studies*, 5:1 (2017), hlm. 4-5, 15-16.

kerjasama secara serantau dalam kalangan negara di Asia Tenggara terutamanya Vietnam. Namun demikian, reaksi Amerika Syarikat terhadap darurat di Tanah Melayu tidak dibincangkan sama sekali oleh Thompson dalam kajian ini. Hal ini seterusnya telah meninggalkan kekosongan dari segi kajian terhadap darurat di Tanah Melayu dan reaksi Amerika itu sendiri. Dari segi sumber, Thompson telah menggunakan sumber dari *Harry S. Truman Library (HSTL)* dan *Lyndon B. Johnson Library (LBJL)* tetapi beliau tidak menggunakan sumber daripada *Dwight D. Eisenhower Library (DDEL)* yang banyak membincangkan tentang reaksi Amerika Syarikat terhadap Tanah Melayu.

Kajian ini turut melihat buku hasil tulisan Andrew J. Rotter yang bertajuk '*The Path to Vietnam: Origins of the American Commitment to Southeast Asia*' yang dilihat sebagai sebahagian daripada komponen terhadap kajian terdahulu. Dalam buku ini, Rotter memfokuskan perbincangan beliau terhadap penglibatan Amerika Syarikat di rantau Asia Tenggara dalam lima tahun selepas Perang Dunia Kedua dari tempoh 1945-1950. Beliau memberi tumpuan kepada beberapa wilayah dalam rantau Asia Tenggara seperti di kawasan Indonesia, Vietnam dan Filipina yang terdedah dengan ancaman komunis. Beliau turut menyentuh isu berkenaan Tanah Melayu khususnya dalam bab tiga yang bertajuk '*Great Britain and the Dollar Gap: The Malayan Link.*'⁹ Perbincangan beliau ini berkait rapat dengan kedudukan Tanah Melayu sebagai lokasi penting untuk kepentingan ekonomi Amerika Syarikat.

Namun demikian, perbincangan Rotter hanya terbatas dalam lingkungan tahun 1946-1949 sahaja. Perkara ini ternyata membuka ruang kepada kajian ini untuk mengkaji reaksi Amerika Syarikat terhadap 12 tahun tempoh darurat di Tanah Melayu. Berkenaan dengan bahan rujukan, Rotter telah menggunakan kira-kira 80

⁹ Andrew J. Rotter, *The Path to Vietnam: Origins of The American Commitment to Southeast Asia* (Ithaca: Cornell University Press, 1987), hlm. 49-69.

peratus sumber arkib yang terdiri daripada dokumen yang diperoleh daripada *HSTL*, *National Archives, Washington D.C.*, *Library of Congress, Washington D.C.*, *Green Library, Stanford University*, dan tidak ketinggalan *TNA, London*.

Buku yang ditulis oleh Andrew Defty iaitu '*Britain, America and Anti-Communist Propaganda 1945-53*' juga turut dikaji. Defty mempunyai kepakaran dalam hubungan Amerika Syarikat-Britain dan juga Perang Dingin. Antara sumber rujukan beliau ialah dokumen yang tidak diterbitkan yang disimpan di *TNA, London* surat-surat dan fail-fail sulit, dokumen yang diterbitkan dalam bentuk buku, surat-surat peribadi, memoir, akhbar dan juga artikel. Dalam buku ini, Defty memfokuskan kepada hubungan antarabangsa yang wujud di antara British dengan Amerika Syarikat dalam menghadapi ancaman komunis iaitu Kesatuan Soviet.¹⁰ Dalam masa yang sama, Defty tidak membincangkan ancaman komunis dari satu lagi negara iaitu Republik Rakyat China khususnya selepas tahun 1949. Fokus perbincangan beliau lebih banyak tertumpu kepada pengekangan ideologi komunis di Eropah. Satu daripada perbincangan tersebut adalah usaha Amerika Syarikat dan British untuk menghalang pengaruh Kesatuan Soviet. Kerjasama antara Amerika Syarikat dengan British untuk mengatasi ancaman komunis terutama di Asia Tenggara tidak disentuh oleh Defty. Dalam erti kata lain, beliau tidak membincangkan reaksi Amerika Syarikat terhadap darurat di Tanah Melayu yang merupakan fokus utama bagi kajian ini.

Di samping itu, buku yang ditulis oleh Nicholas Tarling turut dijadikan sebahagian daripada sorotan kajian lepas. Buku tersebut ialah '*Britain, Southeast Asia & The Impact of The Korean War*' yang telah diterbitkan pada tahun 2005. Buku ini menganalisis tragedi Perang Korea dan kesannya terhadap Asia Tenggara di

¹⁰ Andrew Defty, *Britain, America and Anti-Communist Propaganda 1945-53* (London: Routledge, Taylor & Francis Group, 2004), hlm. 63.

samping perincian berkenaan hubungan antara Amerika Syarikat dengan British dalam tempoh yang diberi tumpuan oleh kajian ini.¹¹ Tarling turut menyentuh persoalan berkenaan darurat di Tanah Melayu melalui subtopik ‘*Recognition and Emergency*’ dalam bab pertama, ‘*A Malayan Nation*’ dalam bab empat dan ‘*Australia and Malaya*’ dalam bab enam. Walau bagaimanapun, perbincangan beliau hanya memfokuskan isu perkaitan kesan Perang Korea terhadap rantau Asia Tenggara. Meskipun beliau membincangkan ancaman komunis yang semakin berleluasa di Asia Tenggara, tetapi tumpuan kepada Tanah Melayu tidak menjadi satu perbincangan utama. Justeru, reaksi Amerika Syarikat terhadap darurat di Tanah Melayu tidak disentuh sama sekali. Namun demikian, perbincangan yang dibuat oleh Tarling cukup baik kerana beliau mampu mengaitkan peristiwa darurat di Tanah Melayu dengan peristiwa lain di Asia Tenggara melalui kaitannya dengan Perang Korea.

Melalui kajian ini, tesis doktor falsafah oleh Andrew Mathew Kelly yang bertajuk ‘*Reassessing the ANZUS Alliance: Strategy and Diplomacy between Australia, New Zealand and the United States, 1945-1956*’ turut dijadikan sebagai sorotan kajian terdahulu. Kajian beliau ini cukup signifikan apabila beliau menganalisis kerjasama serantau yang melibatkan Amerika Syarikat, Australia dan New Zealand dalam konteks kerjasama *Australia, New Zealand and United States Security Treaty (ANZUS)* untuk tempoh awal Perang Dingin. Kajian Kelly ini meliputi tempoh dari tahun 1945 dengan mencakupi kerjasama ANZUS dalam isu konflik di Asia Tenggara, Timur Jauh dan Timur Tengah. Perbincangan mengenai Tanah Melayu yang ketika itu sedang berada dalam keadaan darurat hanya disentuh dalam bab empat yang bertajuk ‘*ANZUS In-Force: Post Treaty Issues and Crisis in*

¹¹ Nicholas Tarling, *Britain, Southeast Asia & The Impact Of The Korean War* (Singapore: NUS Press, 2005), hlm. 8.

*Southeast Asia, 1952-1954.*¹² Namun demikian, kupasan beliau mengenai darurat itu sendiri tidak dibincangkan secara teliti dan reaksi Amerika Syarikat terhadap darurat itu sendiri tidak dibincangkan. Ekoran dari itu, wujudnya satu kekosongan bagi kajian yang lebih mendalam untuk dilakukan mengenai isu reaksi Amerika Syarikat terhadap darurat di Tanah Melayu ini.

Dari satu sudut, kajian tesis doktor falsafah Kelly pada tahun 2016 ini memiliki kekuatan tersendiri kerana beliau telah menggunakan sumber primer dari Arkib Negara Amerika Syarikat (*NARA*), Perpustakaan Harry S. Truman dan Perpustakaan Dwight D. Eisenhower dengan tumpuan terhadap dokumen seperti *Record Group (RG)*, fail Jabatan Keselamatan Amerika Syarikat (*NSC Series*), fail Jabatan Pertahanan (*Pentagon Papers*) dan *FRUS*. Bagi perbincangan mengenai Australia dalam keanggotaan *ANZUS*, fail dari Arkib Negara Australia (*ANU*) yang berkaitan dengan dokumen pentadbiran Kabinet Ben Chifley dan Kabinet Robert Menzies turut digunakan oleh Kelly. Begitu juga apabila beliau menyentuh peranan New Zealand dalam *ANZUS*, fail dari Arkib New Zealand di Wellington telah dianalisis oleh beliau untuk menjawab persoalan-persoalan dalam kajian beliau.

Lanjutan dari itu, tesis doktor falsafah daripada Hiroyuki Umetsu yang bertajuk '*From ANZUS to SEATO - A Study of Australian Foreign Policy, 1950-54*' turut dianalisis sebagai kajian terdahulu bagi kajian ini. Hal ini penting kerana kajian beliau ini berkisar tentang penglibatan dan peranan Amerika Syarikat dalam *ANZUS* di samping Australia yang menjadi sekutunya bersama-sama New Zealand. Liputan kajian beliau pula lebih luas berbanding dengan Andrew Mathew Kelly sebelum ini kerana Umetsu telah menganalisis peristiwa-peristiwa yang melibatkan *ANZUS* sehingga tahun 1963. Dalam kajian ini, Umetsu telah menyentuh persoalan mengenai

¹² Andrew Mathew Kelly, *Reassessing the ANZUS Alliance: Strategy and Diplomacy between Australia, New Zealand and the United States, 1945-1956* (Tesis Doktor Falsafah, Western Sydney University, Australia, 2016), hlm. 119-160.

darurat di Tanah Melayu dengan tidak mendalam semasa beliau membincangkan desakan British untuk menjadi sebahagian anggota *ANZUS* dalam bab tiga menerusi tajuk '*Britain Presses for Association with ANZUS, 1952-53*'¹³ Bertitik tolak dari ini, timbul satu ruang untuk diisi dengan kajian mengenai reaksi Amerika Syarikat terhadap darurat di Tanah Melayu dari tahun 1948 hingga 1960.

Dari segi sumber untuk tesis doktor falsafah Umetsu, beliau telah menggunakan sebahagian besar sumber-sumber primer berkaitan dari arkib di Amerika Syarikat, Australia, New Zealand dan London. Dokumen-dokumen tersebut terdiri daripada fail pejabat luar untuk British, Australia dan New Zealand manakala bagi Amerika Syarikat pula fail di bawah pentadbiran Presiden Truman serta Presiden Eisenhower telah digunakan. Justeru, perkara berkenaan menjadi kekuatan untuk kajian Umetsu meskipun beliau tidak membincangkan reaksi Amerika Syarikat terhadap darurat di Tanah Melayu sebagai sebahagian daripada fokus perbincangan.

Untuk sorotan kajian terdahulu yang berikutnya, jurnal hasil tulisan Philip Deery turut dinilai bagi mencari kekosongan kajian mengenai reaksi Amerika Syarikat terhadap darurat di Tanah Melayu, 1948 sehingga 1960. Jurnal beliau yang bertajuk '*The Terminology of Terrorism: Malaya, 1948-52*' telah menggariskan perbincangan dari tahun 1948 sehingga tahun 1952 dan turut meliputi fasa awal darurat. Dalam kajian ini, Deery telah membahaskan tujuan pentadbiran British melaksanakan darurat khususnya dalam isu perang psikologi dalam darurat tersebut.¹⁴ Perkaitan Amerika Syarikat dengan darurat itu sendiri telah disentuh oleh Deery sebagai sebahagian pengisian perbincangan. Walau bagaimanapun, perkara berkenaan hanya disentuh untuk menyokong beberapa hujahan beliau sahaja tanpa

¹³ Hiroyuki Umetsu, *From ANZUS to SEATO - A Study of Australian Foreign Policy, 1950-54* (Tesis Doktor Falsafah, The University of Sydney, Australia, Jun 1996), hlm. 112-190.

¹⁴ Philip Deery, '*The Terminology of Terrorism: Malaya, 1948-52*,' *Journal of Southeast Asian Studies*, 34:2 (Jun 2003), hlm. 235.

analisis mendalam terhadap reaksi Amerika Syarikat terhadap darurat tersebut. Oleh hal yang demikian, kekosongan yang telah ditinggalkan oleh Deery ini boleh diterokai dengan khusus untuk membincangkan reaksi Amerika Syarikat terhadap darurat di Tanah Melayu. Dari segi sumber, Deery telah menggunakan fail dari Arkib Kebangsaan British di London seperti fail *FO*, *CAB*, *WO* dan beberapa fail *RG* dari *NARA*.

Kajian ini turut meneliti buku tulisan Walter Lafeber yang bertajuk '*America, Russia, and The Cold War 1945-1975*.' Garis masa yang menjadi fokus perbincangan Lafeber adalah dari tahun 1945 sehingga 1975 dengan melibatkan perbincangan dalam tema tertentu berkenaan konflik Perang Dingin antara Amerika Syarikat dan Kesatuan Soviet di beberapa benua seperti Eropah, Amerika Latin, dan Asia. Beliau turut membincangkan situasi Perang Dingin di kawasan Asia Tenggara dalam tempoh pertengahan 1950-an dan 1960-an khususnya dalam bab 10, '*Southeast Asia – and Elsewhere (1962-1966)*.'¹⁵ Namun begitu, perbincangan yang dibuat oleh Lafeber dari halaman 226 sehingga 260 itu tidak membincangkan langsung isu darurat di Tanah Melayu. Walau bagaimanapun, kekuatan buku beliau ini terletak pada dokumen primer yang dianalisis dari Arkib Negara Amerika Syarikat di Washington D. C. . Antara dokumen primer yang digunakan oleh Lafeber dalam bukunya ini termasuklah kertas-kertas pentadbiran Presiden, fail daripada Majlis Keselamatan Negara Amerika Syarikat dan dokumen daripada *FRUS*. Beliau turut menggunakan bahan-bahan dari sumber sekunder yang ditulis dalam bentuk disertasi, jurnal dan buku yang ditulis dari tahun 1960-an sehingga pertengahan 1970-an.

¹⁵ Walter Lafeber, *America, Russia, and the Cold War 1945-1975 (Third Edition)* (New York: John Wiley and Sons, Inc., 1976), hlm. 226-260.

Untuk memperluaskan lagi sorotan kajian terdahulu bagi kajian ini, kertas kerja Leon Comber yang telah dibentangkan pada tahun 2009 turut dijadikan sorotan kajian terdahulu bagi kajian ini. Kertas kerja Comber ini bertajuk, '*The Origins of The Cold War in Southeast Asia: The Case of The Communist Party of Malaya (1948-1960) – A Special Branch Perspective.*' Beliau telah menganalisis dengan teliti konteks darurat di Tanah Melayu dalam kerangka Perang Dingin yang menjadi latar perbincangan kertas kerjanya. Lebih menarik lagi, beliau cuba untuk menjelaskan keadaan berkenaan menerusi perspektik '*Special Branch*' (pasukan polis khas) yang berkhidmat di Tanah Melayu ketika itu. Meskipun beliau menggunakan fail-fail dari *Central Intelligence Agency (CIA)*, tetapi beliau tidak memfokuskan reaksi Amerika Syarikat terhadap darurat berkenaan. Seperti yang disebutkan tadi, beliau hanya membincangkan persoalan ini dari perspektif '*Special Branch*' yang merupakan pasukan yang disediakan oleh pentadbir British dalam tempoh darurat tersebut. Dari sinilah satu perbincangan lanjutan boleh dibuat mengenai reaksi Amerika Syarikat terhadap darurat di Tanah Melayu dari 1948 sehingga 1960 untuk menampung kekosongan yang ditinggalkan oleh Leon Comber. Beliau telah menggunakan sumber dari Arkib Negara Kuala Lumpur, *Public Records Office (PRO)* Australia dan *CIA* untuk mengukuhkan hujahan dalam kajian beliau.

Kajian ini turut meneliti, buku hasil tulisan Tilman Remme yang bertajuk '*Britain and Regional Cooperation in South-East Asia, 1945-49.*' Buku ini membincangkan mengenai kepentingan Asia Tenggara pasca Perang Dunia Kedua dari konteks hubungan antara Amerika Syarikat dengan British dalam beberapa isu yang menjadi fokus perbincangan beliau dalam buku tersebut.¹⁶ Hubungan Amerika Syarikat dengan British disentuh dalam aspek kerjasama ekonomi dan usaha-usaha

¹⁶ Tilman Remme, *Britain and Regional Cooperation in South-East Asia, 1945-1949* (London: Routledge, 1995), hlm. 120-143

ke arah dekolonisasi beberapa wilayah jajahan di Asia Tenggara di samping tindakan-tindakan untuk menyekat pengaruh komunis di Asia Tenggara secara amnya dan di Tanah Melayu secara khususnya. Walau bagaimanapun, tempoh perbincangan oleh Tilman Remme hanya terhenti pada tahun 1949 tanpa lanjutan untuk tahun-tahun berikutnya. Dalam hal ini, isu yang berkaitan darurat di Tanah Melayu sehingga tahun 1960 tidak diberi perhatian oleh Remme. Oleh sebab itu, kekosongan yang ditinggalkan oleh Remme ini boleh diisi dengan suntikan kajian baharu berkenaan reaksi Amerika Syarikat terhadap darurat tersebut. Dari satu sudut, kajian beliau ini memiliki banyak persamaan dengan kajian Nicholas Tarling yang dibincangkan sebelum ini.

Selain itu, Bryan P. Farrel turut membincangkan mengenai penglibatan Amerika Syarikat di Asia Tenggara dalam usaha memerangi ancaman komunis pasca Perang Dunia Kedua dalam bukunya yang bertajuk '*Churchill and the Lion City: Shaping Modern Singapore*'. Kajian beliau telah menganalisis keadaan Singapura dan Tanah Melayu selepas Perang Dunia Kedua serta kaitannya dengan Winston Churchill. Kajian beliau ini turut menyentuh perihal sewaktu darurat di Tanah Melayu dan pengaruh komunis yang ketika itu turut berpusat di Singapura. Perbincangan ini dibuat oleh beliau khususnya dalam bab tujuh dan lapan.¹⁷ Beliau turut menyentuh penglibatan Amerika Syarikat dalam bab-bab berkenaan. Walau bagaimanapun, kajian Farrel ini tidak melihat reaksi Amerika Syarikat terhadap darurat di Tanah Melayu 1948-1960 sebagai asas perbincangan utama dalam tulisan beliau. Keadaan ini telah meninggalkan satu kekosongan kajian untuk diisi dengan analisis yang berkaitan reaksi Amerika Syarikat terhadap darurat itu sendiri.

¹⁷ Brian P. Farrel, *Churchill and the Lion City: Shaping Modern Singapore* (Singapore: NUS Press, 2011), hlm. 114-134.

Laporan Penyelidikan hasil tulisan Richard Mason turut dikaji yang bertajuk ‘*Cold War and Non-Alignment: The Eisenhower Administration and The Ali Sastroamidjojo Cabinet, 1953-1955*’ menjelaskan reaksi Amerika Syarikat terhadap situasi politik yang berlaku di Asia Tenggara khususnya di Indonesia dari segi ancaman komunis. Richard Mason telah menggunakan sumber dari NARA di Washington, Amerika Syarikat. Sumber-sumber termasuklah fail-fail *FRUS* yang terdiri daripada telegram, kertas pembentangan di Kongres dan laporan rasmi dari bahagian Kedutaan Amerika Syarikat di Indonesia. Kajian beliau memperlihatkan tindak balas daripada Presiden Amerika Syarikat, Dwight D. Eisenhower terhadap kabinet pemerintahan Indonesia yang ketika itu diterajui oleh Soekarno dan Perdana Menteri, Ali Sastroamidjojo yang mengadakan hubungan baik dengan Parti Komunis Indonesia (PKI).¹⁸ Walau bagaimanapun, Richard Mason hanya menumpukan perbincangan terhadap isu komunis di Indonesia tanpa menyentuh kebangkitan PKM khususnya dalam tempoh darurat 1948-1960. Keadaan ini meninggalkan satu kelompongan terhadap kajian ke atas reaksi Amerika Syarikat terhadap darurat berkenaan.

Artikel A. J. Stockwell yang bertajuk ‘*A Widespread and Long-concocted Plot to Overthrow Government in Malaya? The Origins of Malayan Emergency*’ turut diteliti. Artikel ini memfokuskan perbincangan mengenai peringkat awal darurat selepas ia diisytiharkan oleh pihak British di Tanah Melayu sehingga awal 1950-an. Sepanjang perbincangan dalam artikel berkenaan, Stockwell memfokuskan perbincangan berkenaan darurat di Tanah Melayu dari sudut pandang British dan kontroversi yang timbul sama ada darurat benar-benar berpunca daripada

¹⁸ Richard Mason, *Cold War and Non-alignment: The Eisenhower Administration and The Ali Sastroamidjojo Cabinet, 1953-1955*, Siri Laporan Penyelidikan, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, 2002. hlm. 12.

kebangkitan bersenjata komunis ataupun tidak.¹⁹ Dalam masa yang sama, beliau cuba untuk menyentuh perbincangan mengenai hubungan awal antara pihak pentadbiran British dengan pihak Amerika Syarikat pada tempoh awal darurat dilaksanakan. Walau bagaimanapun, reaksi Amerika Syarikat terhadap darurat itu sendiri tidak disentuh oleh Stockwell sebagai perbincangan utama tulisan beliau. Dalam hal ini, Stockwell telah memberikan ruang bagi kajian lebih lanjut mengenai reaksi Amerika Syarikat terhadap darurat tersebut. Mengenai sumber dalam artikel beliau ini, dokumen-dokumen dari Arkib Kebangsaan British yang terdiri daripada fail *CO*, *CAB*, *PRO*, dan *FO* di samping fail daripada *NARA* yang terdiri daripada fail *RG* telah digunakan untuk menganalisis fokus perbincangan beliau.

Seterusnya, buku hasil tulisan T. N. Harper yang berjudul '*The End of Empire and The Making of Malaya*' turut dikaji. Buku ini yang diterbitkan pada tahun 2001 menjelaskan proses pembentukan Persekutuan Tanah Melayu sehingga berakhirnya tempoh penjajahan British. Beliau membincangkan soal darurat khususnya dalam bab empat yang berjudul '*Rural Society and Terror*.'²⁰ Penulisan beliau ini menggunakan sumber dari sudut pandang British yang terdiri daripada dokumen-dokumen dari *TNA*, London, Arkib Negara Malaysia dan juga Arkib Negara Singapura. Walau bagaimanapun, Harper tidak menggunakan sumber dari Amerika Syarikat. Hal ini bermakna, beliau tidak menyentuh reaksi Amerika Syarikat dalam konteks Tanah Melayu khususnya pada tempoh darurat 1948-1960. Justeru, beliau tidak membincangkan reaksi Amerika Syarikat terhadap darurat di Tanah Melayu yang menjadi sebahagian daripada usaha pihak British untuk mengekalkan status imperialisnya di Tanah Melayu.

¹⁹ A. J. Srockwell, 'A Widespread and long-connected plot to overthrow government in Malaya? *The Origins of Malayan Emergency*.' *Journal of Imperial and Commonwealth History* 21:3 (1993), 66-88.

²⁰ T. N. Harper, *The End of Empire and The Making of Malaya* (United Kingdom: Cambridge University Press., 2001), hlm. 149.

Berdasarkan sejumlah penulisan terpilih dalam kajian terdahulu yang telah dianalisis di atas, sememangnya tiada satu kajian khusus yang membincangkan reaksi Amerika Syarikat terhadap darurat di Tanah Melayu dalam tempoh 1948-1960. Meskipun, terdapat kajian yang membincangkan hubungan Amerika Syarikat dengan Tanah Melayu dalam tempoh darurat berkenaan, tetapi perbincangannya bukanlah bertujuan untuk mengangkat dan memberi keutamaan kepada isu reaksi Amerika Syarikat terhadap darurat sebagai perbincangan utama. Perkara ini membuka ruang kepada kajian ini untuk mengisi kelompongan tersebut.

1.3 Permasalahan Kajian

Berdasarkan sorotan literatur yang telah dibuat untuk kajian ini, ternyata masih tidak ada kajian yang memfokuskan perbincangan mengenai reaksi Amerika Syarikat terhadap darurat di Tanah Melayu sama ada kajian-kajian dari Malaysia sendiri ataupun dari luar negara. Bertitik-tolak dari sinilah kajian ini akan mengupas isu tersebut sebagai satu perbincangan utama kajian ini. Permasalahan kajian yang telah dikenalpasti untuk kajian ini adalah:

- Tiada kajian khusus dalam disiplin sejarah yang membincangkan secara terperinci tentang reaksi Amerika Syarikat terhadap darurat di Tanah Melayu 1948-1960.
- Tiada kajian yang meneliti secara langsung kaitan antara faktor luaran, perhitungan strategik serta pertimbangan ekonomi yang mempengaruhi Amerika Syarikat di sebalik reaksinya terhadap tindakan British mengisytiharkan darurat di Tanah Melayu 1948-1960.

1.4 Persoalan Kajian

Persoalan kajian ini adalah untuk mengkaji reaksi Amerika Syarikat terhadap darurat di Tanah Melayu yang berlangsung dari tahun 1948 sehingga tahun 1960:

- Bagaimanakah reaksi Amerika Syarikat terhadap perisytiharan darurat oleh pihak British di Tanah Melayu?
- Sejauh manakah faktor-faktor seperti ancaman ideologi komunis di rantau Asia dan perhitungan strategik telah mempengaruhi reaksi Amerika Syarikat terhadap darurat di Tanah Melayu 1948 sehingga 1960?
- Apakah pertimbangan ekonomi Amerika Syarikat di Tanah Melayu dan Asia Tenggara telah mempengaruhi reaksi Amerika Syarikat terhadap darurat, 1948-1960?

1.5 Objektif Kajian

Berkait dengan persoalan kajian yang telah dinyatakan, terdapat beberapa objektif telah digariskan untuk kajian ini.

- Untuk menjelaskan keadaan Tanah Melayu dalam tempoh darurat 1948-1960 yang menimbulkan reaksi daripada Amerika Syarikat.
- Untuk menganalisis reaksi Amerika Syarikat terhadap perisytiharan darurat oleh pihak British di Tanah Melayu antara 1948-1960.
- Untuk memperincikan perkaitan antara konflik ideologi di Asia dengan reaksi Amerika Syarikat terhadap darurat di Tanah Melayu.
- Untuk menilai sama ada reaksi Amerika Syarikat terhadap darurat di Tanah Melayu turut didasari oleh perhitungan strategik dan pertimbangan ekonomi ketika itu.

1.6 Skop Kajian

Garis masa yang diberi perhatian adalah dari tahun 1948 sehingga 1960 kerana ia adalah tempoh darurat di Tanah Melayu. Dalam kerangka masa ini juga turut dikaitkan dengan suasana Perang Dingin antara Amerika Syarikat dengan Kesatuan Soviet yang sedang berlaku di Eropah di samping kemunculan Republik Rakyat China pada 1949 yang membentuk blok komunis di Asia. Selain itu, perang di Semenanjung Korea turut tercetus pada awal perisytiharan darurat yang turut mempengaruhi reaksi Amerika Syarikat terhadap keadaan domestik di Tanah Melayu. Pada peringkat serantau pula, perang di Indochina turut berlaku dan mempengaruhi suasana di Tanah Melayu terutama perkara yang melibatkan gerakan PKM. Perlu ditegaskan bahawa, perkara-perkara yang telah dinyatakan ini memberi kesan terhadap reaksi Amerika Syarikat terhadap darurat yang telah dilaksanakan oleh pihak British ketika itu.

Dalam tempoh masa yang telah dipilih ini juga, tumpuan akan diberikan kepada reaksi Amerika Syarikat di bawah kepimpinan Harry S. Truman (1945-1952) dan Dwight D. Eisenhower (1953-1961). Tempoh perbincangan ini turut mencakupi era pemerintahan empat orang Pesuruhjaya Tinggi British di Tanah Melayu iaitu Sir Harold McMichael, Sir Henry Gurney, Sir Gerald Templer dan Sir McGuillivary. Pembahagian perbincangan ini penting untuk melihat reaksi Amerika Syarikat terhadap perisytiharan darurat oleh pentadbir British di Tanah Melayu.

1.7 Metodologi Kajian

Untuk menjalankan kajian ini, kaedah penyelidikan arkib telah digunakan sebagai satu usaha untuk pencarian dokumen-dokumen yang difokuskan untuk kajian ini. Carian dokumen tersebut dilakukan di arkib terpilih sama ada yang berada di

Malaysia ataupun di luar negara. Hal ini kerana, kaedah untuk penyelidikan sejarah diplomatik memerlukan usaha untuk mengumpulkan dan mengekstrak sumber dari arkib-arkib yang terlibat. Sumber-sumber berkenaan dasar Amerika Syarikat di Asia Tenggara dan di Tanah Melayu kebanyakannya diperoleh dari *National Archives and Records Administration (NARA)*, *Harry S. Truman Library (HSTL)*, *Dwight D. Eisenhower Library (DDEL)*, *National Archive of Singapore (NAS)*, *Central Library National University Of Singapore (NUS)*, dan *Institute of Southeast Asian Studies (ISEAS)-Yusof Ishak Institute*. Pada masa yang sama, dokumen-dokumen dari TNA, London turut digunakan sepanjang analisis dalam kajian ini. Selain itu, dokumen dari Arkib Negara Malaysia dan Arkib Negara Malaysia Cawangan Johor turut dipilih untuk melengkapkan kajian ini. Di samping itu, dokumen arkib atas talian turut digunakan seperti *Foreign Relations of the United States (FRUS)*, *The Department of State Buletin*, *Jabatan Pertahanan Amerika Syarikat (Pentagon Papers)*, *Central Intelligence Agency Library (CIA)*, *New Zealand Parliamentary Debates (Hansard)* dan *Hathi Trust Digital Library*. Maklumat dari sumber primer ini penting untuk dijadikan hujahan dalam setiap bab yang dibincangkan sama ada melibatkan reaksi Amerika Syarikat dan keadaan darurat di Tanah Melayu yang menjadi tema perbincangan kajian ini.

Pada masa yang sama, dokumen dalam bentuk memoir sama ada dari pemimpin tertinggi kerajaan Amerika Syarikat, pemimpin tertinggi kerajaan British serta memoir daripada Presiden Kesatuan Soviet turut digunakan. Bagi menghujahkan pandangan yang lebih seimbang dan bersifat komparatif, memoir hasil tulisan anggota PKM di Tanah Melayu turut dijadikan sebagai dokumen bagi menjelaskan isu-isu yang dibincangkan dalam bab kajian ini. Perlu dinyatakan bahawa, masih tiada kajian mengenai darurat di Tanah Melayu sebelum ini yang